

**SULIT**

---



Peperiksaan Akhir  
Sidang Akademik 2018/2019

Jun 2019

**JTW103 - Undang-Undang Perniagaan**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA (3)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **SEMUA** soalan.

Pastikan anda menulis angka giliran anda di setiap kertas jawapan anda.

Markah bagi setiap soalan adalah seperti yang tercatat.

...2/-

**SULIT**

**SOALAN 1 (25 markah)**

Suatu hubungan agensi boleh terbentuk melalui **LIMA (5)** kaedah iaitu secara pelantikan tersirat, pelantikan nyata, pelantikan melalui pengesahan (ratifikasi), pelantikan secara keperluan dan pelantikan melalui sekatan (estoppel). Jelaskan pembentukan agensi melalui pelantikan tersirat dengan disertakan seksyen dan kes-kes yang berkaitan.

**SOALAN 2 (25 markah)**

Apabila firma perkongsian dibubarkan maka perniagaan firma berakhir. Semua aset firma dibekukan sementara menunggu proses agihan kepada pihak-pihak yang berhak. Terangkan kaedah pembubaran firma perkongsian secara tersendiri dengan mengemukakan seksyen serta kes-kes yang berkaitan.

**SOALAN 3 (25 markah)**

Encik Ahmad telah membuat cadangan untuk menjual rumahnya kepada Encik Hamid. Dalam cadangannya Encik Ahmad menyatakan penerimaan mestilah dibuat secara bertulis dan hendaklah diposkan kepada alamatnya di Lot 61, Kg. Batu Lada, Kuala Krai, Kelantan pada atau sebelum 20 Ogos 2018. Encik Hamid telah menghantar notis penerimaan melalui surat berdaftar pada 16 Ogos 2018. Surat tersebut tidak diserahkan kepada Encik Ahmad sebaliknya terus berada di Pejabat Pos Kuala Krai. Pada 23 Ogos 2018 Encik Ahmad telah menjual rumahnya kepada Encik Lim. Encik Hamid sangat marah dan mendakwa Encik Ahmad telah memungkir perjanjian. Nasihatkan Encik Hamid berkaitan kedudukan beliau di sisi undang-undang dengan berpandukan kepada seksyen serta kes-kes yang berkaitan.

**SOALAN 4 (25 markah)**

Encik Ramanathan Chettiar telah meminjamkan wang sebanyak RM50,000 kepada Encik Bong Ah Tong iaitu seorang bapa ayam yang memiliki sebuah rumah pelacuran di ibu kota. Pinjaman yang dibuat oleh Encik Bong Ah Tong ialah bertujuan untuk membuat renovasi rumah pelacurannya. Encik Bong Ah Tong telah gagal membayar balik pinjaman seperti yang dijanjikan. Encik Ramanathan Chettiar ingin membuat tuntutan terhadap Encik Bong Ah Tong. Nasihatkan Encik Ramanathan Chettiar sama ada beliau akan berjaya atau tidak dalam tuntutannya di mahkamah dengan merujuk kepada seksyen dan kes-kes yang berkaitan.

- oooOooo -